

31/01/2003

Henti SAR selamatkan pelajar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan tidak mengekalkan sekolah agama rakyat (SAR) kerana kerajaan dan Umno mahu menyelamatkan pelajaran agama Islam dan penuntut sekolah itu daripada dididik perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar bahawa ada pihak tertentu yang cuba menyelamatkan SAR sehingga sanggup mengadakan sembahyang hajat walaupun pada hakikatnya SAR tidak mengajar Islam, sebaliknya mengajar ajaran yang bertentangan ajaran Islam.

"Kerajaan tidak menyelamatkan SAR dengan tidak memberi bantuan wang kerana wang itu telah digunakan untuk mengajar ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

"Kita kata ia (SAR) tidak mengajar agama (Islam) sebenar kerana hampir semua mereka yang belajar di SAR bersikap tidak secocok dengan ajaran Islam, iaitu mereka membenci orang Islam lain.

"Ini satu saja pun sudah mencukupi untuk menunjukkan apa yang mereka pelajari bukan ajaran agama. Kalau yang dipelajari agama, maka mereka akan anggap semua orang Islam sebagai saudara mereka kerana inilah ajaran Islam dan mereka mesti bersatu padu dengan orang Islam lain.

"Banyak lagi perkara lain yang diajar (di SAR), termasuk ada orang tertentu Firaun dan zalim, tapi bila ditanya kenapa kata Firaun dan kenapa kata zalim...mereka tak tahu nak jawab," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Presiden Umno berkata, isu SAR adalah antara yang dibincangkan pada mesyuarat itu, selain isu Singapura dan ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu menyelamatkan murid SAR dengan menyediakan institusi atau kemudahan belajar Islam sebenar, iaitu mengajar orang Islam adalah bersaudara, mesti berkelakuan baik, tidak mencampuradukkan kepentingan lain dengan agama dan tidak menggunakan sembahyang hajat untuk menyelamatkan sekolah yang bukan sekolah agama Islam.

"Kita nak menyelamatkan pelajaran agama Islam. Pelajaran Islam boleh didapati di Sekolah Kebangsaan (SK) dan institusi lain yang dibiayai kerajaan.

"Kita dapati ramai orang Islam yang menghantar anak ke SAR sudah bersetuju untuk berpindah ke SK. Kita berhajat memperbaiki lagi pelajaran agama SK dan sedang mengkaji kurikulum serta cara menyampaikan ajaran Islam sebenar kepada murid di sekolah ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan hanya akan memberi bantuan kepada pelajar SK, termasuk memberi peluang pekerjaan kepada guru yang layak, manakala guru yang tidak cukup ilmu diberikan latihan.

Mengenai kemungkinan Amerika Syarikat menyerang Iraq, beliau berkata MT khuatir serangan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara.

"Pada tahun ini kita berharap ekonomi kita tumbuh dengan baik, tapi memandangkan kemungkinan peperangan berlaku di Iraq, maka kita telah mengkaji pelbagai kemungkinan dengan menentukan senario tertentu mengenai kesan serangan terhadap Iraq.

"Bagaimanapun, kita perlu berhati-hati dan membelanjakan wang secara cukup bijak dan tidak melebihi siling yang telah kita tentukan. Dengan cara ini kita berharap ekonomi dan kewangan negara akan terus sihat," katanya.

Dr Mahathir berkata, seperti tahun lalu, banyak negara lain yang menghadapi kelembapan ekonomi, tetapi Malaysia pula mungkin akan mencapai pertumbuhan sebanyak empat peratus.

Katanya, ia adalah pencapaian baik memandangkan pelbagai peristiwa berlaku pada 2002, termasuk apa yang berlaku di Bali.